



SMK LINGGIU, KOTA TINGGI JOHOR

OPERASI PENCAPAIAN STANDARD 93

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

OGOS

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** dan **langkah-langkah memajukannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan satu daripada kegiatan ekonomi negara yang penting. Oleh sebab itu, Malaysia perlu mengambil lebih banyak inisiatif bagi merencanakan lagi pertumbuhan industri ini selain memberi tumpuan kepada pembangunan industri berat. Perkembangan industri kecil amat penting dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Pembangunan IKS mempunyai kepentingan yang amat luas bagi membolehkan Malaysia muncul sebagai negara perindustrian yang dinamik.

Selain menyediakan keperluan dalam negara, IKS juga boleh menumpukan usahanya dalam mengeksport pelbagai jenis barangan industri. Orientasi kepada penggantian import dapat mengurangkan pengaliran wang ke negara lain. Malaysia mengimport pelbagai jenis barang industri dari luar negara termasuk alat ganti kenderaan, bahan makanan, alat-alat elektronik dan alat-alat pertanian. Alat-alat industri boleh dibuat sendiri dengan menggunakan bahan-bahan tempatan sekiranya IKS dapat dibangunkan. Langkah ini amat penting bagi menjadikan Malaysia tidak terlalu bergantung kepada barangan import yang semakin membebankan negara dari segi pertukaran mata wang. Pembangunan industri berat yang berlaku di negara ini terutama industri besi dan keluli, industri motor, petroleum, elektronik dan percetakan boleh mendorong perkembangan IKS. Di samping itu, IKS juga dapat membantu kerajaan mengukuhkan sektor perindustrian negara. Pemindahan kepakaran teknologi boleh berlaku sekiranya industri berat dapat meluaskan skim latihannya kepada IKS. Sekiranya Konsep Payung dapat diwujudkan dalam konteks pembangunan industri berat dengan IKS, peranan industri berat akan lebih terserlah dari segi mengukuhkan perkembangan IKS.

IKS terus berkembang dalam mencorakkan struktur ekonomi negara. Melalui Dasar Perindustrian Negara, IKS telah melahirkan golongan industrialis yang berwibawa dan dapat memainkan peranan positif dalam usaha Malaysia menjadi negara industri. IKS dalam tempoh jangka panjang boleh berkembang dan beransur-ansur menjadi industri berat. Negara membangun seperti Malaysia perlu menyediakan *pelbagai insentif* bagi membangunkan IKS tempatan. Dengan

[Lihat halaman sebelah

perkembangan ekonomi yang pesat pada abad ke-21 dan selaras dengan Wawasan 2020, Malaysia telah merangka Pelan Induk Pembangunan Industri yang melibatkan pembangunan pelbagai bentuk dan jenis industri agar setanding dengan negara–negara maju. Melalui Pelan Induk Pembangunan Industri ini, diharapkan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian akan dapat dicapai sebelum tahun 2020 menjelang.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Peranan Industri Kecil dan Sederhana dalam Pembangunan Negara'
oleh Mohd Asri bin Mohamad,
Dewan Ekonomi, April 2010)

Soalan 2(a) – Petikan umum

- (i) Berikan maksud rangkai kata *pelbagai insentif*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan satu daripada kegiatan ekonomi negara yang penting? [3 markah]
- (iii) Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Pada pendapat anda, mengapakah kerajaan sanggup membuat pelaburan dalam industri ini? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Ibu tidak lagi cergas waktu malam kerana ibu tidur tergolek bagaikan batang pisang. Tetapi apabila saja tiba subuh, ibu sudah bangun dan bersedia menempuh apa saja ujian atau cabaran pada siang hari.

Sekali itu Ceper tiba-tiba mengamuk macam naik angin. Hujan turun di hulu tidak henti-henti dan airnya keruh macam air susu. Habis sampah sarap dipunggah bersama, menumbangkan pokok-pokok yang tegak di tepi-tepi tebingnya, memuntahkan tanah hingga terkobak rata-rata.

Airnya yang keruh likat itu terhimbau naik ke sawah-sawah yang sedang membunting sarat padinya. Pokok-pokok padi habis tenggelam dan mati begitu saja. Sudahlah sampah sarap yang diangkut bersama, bangkai-bangkai binatang pun banyak yang terlekat di tiang-tiang rumah kami.

Aku masih ingat pada waktu itu ibu pun mengamuk juga. Dia marah sangat kepada Ceper sampai menyumpah-nyumpah kerana habis padi buntingnya mati lemas. Ibu menjerit pada bapa yang sejak pagi meninggalkan rumah untuk naik ke bukit berdenak ketitir.

Dipetik daripada cerpen
'Ibu dan Ceper' oleh Shahnnon Ahmad
dalam antologi Harga Remaja,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan kesan yang terjadi apabila hujan di hulu sungai Ceper turun tidak berhenti-henti. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mengelakkan berlakunya banjir di kawasan sawah padi. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan dalam petikan cerpen di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dayang Seri Jawa mengajak Awang Sulung melabuhkan geliung panjang di pulau itu untuk mengambil kayu dan air yang telah kehabisan, tetapi gelombang sangat besar dan geliung tidak dapat rapat ke tepi.

Awang Sulung segera ke petak jubungnya mengambil bungkusan tulang pelanduk putih lalu mengikatkannya pada benang pancar warna, dicampakkannya ke laut. Seketika kemudian laut menjadi tenang bagai air di kualiti dan dapatlah geliung itu berlabuh dengan eloknya.

Setelah beberapa lama berlabuh barulah orang-orang yang mabuk tadi tersedar. Sesetengahnya terpinga-pinga sambil bertanya-tanya di manakah mereka berada sekarang, tetapi jurumudi pula apabila tersedar segeralah dia mencabut kerisnya lalu menikam seekor ayam. Dengan kerisnya yang berlumuran darah itu pergilah dia mendapatkan Tuanku Nakhoda Tua.

“Ampun Tuanku, patiklah yang *memeliharakan geliung* ni daripada amuk Tuan Puteri Dayang Nuramah kelmarin.”

Tuanku Nakhoda Tua yang baru pulih dari mabuknya terpisat-pisat membelek-belek keris jurumudi yang penuh berdarah itu. Fikirnya, sungguh juga kata jurumudi ini, kerana waktu mabuk itu berlaku beta jatuh pengsan.

(Dipetik daripada
'Pelayaran yang Penuh Peristiwa'
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkaian kata *memeliharakan geliung*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Awang Sulung setelah melihat ombak yang terlalu besar dan geliung tidak dapat dirapatkan ke tepi pulau? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Tuanku Nakhoda Tua tidak wajar mempercayai kata-kata jurumudi itu. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (d) - Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DIRGAHAYU BAHASAKU

Tempatmu di singgahsana
Hati nurani bangsaku
Warga yang berbudi
Setia dan amanah
Bahasa itu maruah bangsa
Yang mesti dipelihara martabatnya
Agar tetap kukuh dan ampuh
Melayari lautan bijaksana
Salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku
Hak bangsaku memilikimu
Hak bangsaku mendaulatkanmu
Di bumi bertuah ini
Merentas dunia tak bertepi.

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
Ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan
Gagah pelautku membelah lautan
Ke utara dan ke selatan bahasaku mencengkam
Dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam

Dirgahayu bahasaku
Di arena antarabangsa suaramu tumbuh
Menusuk kalbu lagu bahasamu
Bahasamu bahasa minda
Mudah akrab dan bertatasusila
Daripada bangsa yang bernama Melayu
Menempa kejayaan di alaf baru.

Ahmad Sarju

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

[Lihat halaman sebelah

- (i) Nyatakan keistimewaan bahasa Melayu dalam **rangkap keempat** sajak di atas. [2 *markah*]
- (ii) Sekiranya anda seorang pejuang bahasa, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu di negara ini? [3 *markah*]
- (iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- | | | | |
|-------|----------|---|---------------|
| (i) | dapat | - | bersependapat |
| (ii) | prihatin | - | keprihatinan |
| (iii) | sejuk | - | kesejukan |

[6 markah]

(b) *Tulis perbualan di bawah ini dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.*

Cikgu Azlan: Rajesh, mengapakah awak lewat hari ini?

Rajesh: Maafkan saya cikgu. Saya terpaksa menghantar adik saya ke sekolahnya dahulu. (Dengan suara yang tersekat-sekat)

Cikgu Azlan: Mengapakah awak yang perlu menghantarkan adik awak ke sekolah?

Rajesh: Ayah saya kurang sihat, cikgu. Dia demam.

Cikgu Azlan: Oh, begitu! Cikgu faham masalah awak. (Sambil mengangguk-anggukkan kepalanya)

Rajesh: Saya cuba datang lebih awal pada hari esok, cikgu.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Kementerian Pelajaran Malaysia memainkan peranan yang signifikan ke arah memperkasakan bidang Sains Angkasa agar setanding dengan negara maju.

[Lihat halaman sebelah

- (ii) Pengerusi mengumumkan bahawa mesyuarat agong akan mengadakan secara dwitahunan mulai tahun hadapan.
- (iii) Kerajaan digalakkan kemasukan pelancung dari luar negara untuk menjanakan ekonomi negara.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Setiap individu digalakkan membuat perawatan kesihatan sekurang-kurangnya enam bulan sekali untuk memastikan mereka bebas daripada pelbagai penyakit-penyakit yang berbahaya.
- (ii) Para guru sanggup berkorban mengadakan kelas tambahan di masa cuti demi meninggikan bilangan murid yang lulus dalam peperiksaan nanti.
- (iii) Perdana Menteri Malaysia yang satu, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berperanan penting di dalam sejarah kemerdekaan tanah air tercinta.

[6 markah]

(e) *Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.*

- (i) Orang yang menasihati orang lain berbuat sesuatu yang betul sedangkan dia sendiri berbuat salah.
- (ii) Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut.
- (iii) Diam orang yang berilmu berfikir sementara diam orang yang bodoh itu sia-sia sahaja.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

(15 markah)

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut;

- (i) PAPA... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vi) Sutera Dalam Lukisan karya Abd Talib Hassan
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua peristiwa yang mengembirakan** dalam novel tersebut

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua buah novel** yang telah anda pelajari, huraikan **satu pengajaran** yang terdapat dalam setiap novel tersebut?

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT